

PENGGUNAAN APLIKASI PEMBELAJARAN MAYA DALAM KALANGAN GURU PENDIDIKAN KHAS DAERAH DUNGUN

Siti Nur Fatimah Harun
fatimah8087@gmail.com

Rosadah Abd Majid

Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Malaysia

ABSTRAK

Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) berkembang begitu pesat dalam dunia hari ini. Perkembangan ini turut memberi kesan kepada perkembangan dunia pendidikan. Perkembangan ICT telah berjaya mewujudkan beberapa aplikasi untuk digunakan oleh guru untuk melaksanakan persekitaran pembelajaran maya. Persekitaran pembelajaran maya merupakan satu idea yang bagus dan diperlukan, walaupun ianya bukanlah medan utama dalam dunia pendidikan. Bermula tahun 2011, Malaysia telah memulakan persekitaran pembelajaran maya. Pembelajaran maya ini telah diperkenalkan kepada murid tipikal dan juga murid khas. Justeru itu, kajian ini dijalankan adalah untuk melihat tahap kesediaan dan tahap penerimaan guru-guru pendidikan khas Daerah Dungun terhadap penggunaan aplikasi pembelajaran maya. Para guru memainkan peranan penting untuk mewujudkan persekitaran pembelajaran maya ini. Kajian ini berbentuk kuantitatif. Seramai 91 orang guru pendidikan khas telah terlibat dalam kajian ini. Data dianalisis dengan menggunakan perisian Statistical Package Social Science (SPSS) versi 23.0. Analisis secara deskriptif dan korelasi pearson digunakan. Hasil kajian mendapati terdapat hubungan yang signifikan antara tahap kesediaan guru dan juga tahap penerimaan guru dengan tahap sikap penggunaan guru terhadap aplikasi pembelajaran maya. Dalam kajian ini, tahap kesediaan dan tahap penerimaan guru pendidikan khas Daerah Dungun dalam penggunaan aplikasi pembelajaran maya kedua-duanya berada pada tahap yang tinggi. Oleh itu, kajian ini memberikan gambaran bahawa tahap kesediaan dan tahap penerimaan para guru pendidikan khas perlu sentiasa dipertingkatkan agar tercapai matlamat Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk mengintegrasikan teknologi dalam sesi pengajaran dan pembelajaran. Perkara ini amat perlu agar murid-murid pendidikan khas tidak terus ketinggalan dalam bidang teknologi.

Kata kunci: *aplikasi pembelajaran maya, tahap kesediaan guru, tahap penerimaan guru, sikap guru.*

ABSTRACT

Information and Communication Technology (ICT) is developing rapidly in today's world. This development also contributed to the development of the educational world. The development has successfully created several applications to be used by teachers to implement the virtual learning environment. The virtual learning environment is a great and necessary idea, even though it is not the main field in the educational world. Starting in 2011, Malaysia has embarked on the virtual learning environment. This virtual learning has been introduced to typical students as well as special needs students. Hence, this study was conducted to see the level of readiness and the level of acceptance among special education teachers of Daerah Dungun towards the use of virtual learning applications. Teachers play an important role in creating an environment that uses this virtual learning. This study is quantitative. A total of 91 special needs education teachers were involved in this study. Data collected were analyzed by using Statistical Package Social Science (SPSS) software version 23.0. Descriptive analysis and Pearson correlation were also being used to conduct this study. The results of the study found that there is a significant relationship between the level of teachers' readiness and also the level of teachers' acceptance with the level of teachers' attitude towards the using of the virtual learning application. This means that the level of acceptance and the level of readiness affect the level of teachers' attitude in using the virtual learning applications. In this study, the level of readiness and the level of acceptance of special education teachers in Dungun District in using the virtual learning applications are both at a high level. Thus, this study gives the impression that the level of readiness and the level of acceptance of teachers need to be constantly enhanced in order to achieve the goal of the Ministry of Education Malaysia (MOE) to integrate technology in teaching and learning sessions. These are essential to ensure the special needs students will not be left behind.

Keywords: *virtual learning environment, readiness level, acceptance level, teacher's behaviour.*

1. PENGENALAN

Persekitaran pembelajaran maya bukanlah perkara yang asing lagi dalam dunia pendidikan masa kini. Malaysia juga tidak ketinggalan dalam perkembangan ini. Persekitaran Pembelajaran Maya-Frog (VLE Frog), merupakan platform maya yang telah diperkenalkan di Malaysia pada tahun 2011 di sekolah-sekolah melalui Projek 1-Bestari Net, dan kini pembelajaran maya di sekolah-sekolah beralih pula kepada penggunaan aplikasi *google classroom*. Kerajaan telah membelanjakan RM6 bilion untuk menjayakan Projek 1-Bestari Net. Perkembangan persekitaran pembelajaran maya ini adalah selari dengan anjakan ketujuh yang terdapat dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025, iaitu memanfaatkan teknologi maklumat dan komunikasi (TMK) untuk meningkatkan kualiti pembelajaran di Malaysia.

Persekitaran pembelajaran maya ini telah diperkenalkan kepada semua peringkat pendidikan, termasuklah kepada murid-murid di kelas pendidikan khas. Namun, sejauh manakah tahap kemahiran dan penerimaan guru-guru pendidikan khas terhadap isu ini? Pembelajaran maya jika digunakan dengan sebaiknya akan menghasilkan suasana pembelajaran yang menyeronokkan, kerana bahan bantu belajar (bbb) dapat dihasilkan dan disampaikan dalam pelbagai cara mengikut aras murid. Hal ini selari dengan hasrat Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) yang mahu guru-guru menerapkan elemen inovasi yang terdapat dalam Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) di bawah Elemen Merentas Kurikulum.

Pembelajaran maya juga sebenarnya boleh memudahkan proses pengajaran dan pembelajaran (pdp) berlaku kerana pdp boleh dilakukan walau guru dan murid tidak ada bersama, serta pembelajaran secara maya juga boleh berlaku sama ada secara serentak mahupun tidak serentak. Pembelajaran secara serentak adalah pembelajaran yang berlaku dalam masa yang ditetapkan, dan guru serta murid bersama secara langsung di dalam kelas maya. Manakala tidak serentak pula dikategorikan sebagai pembelajaran sendiri di mana murid diberikan tugas untuk disiapkan secara atas talian. (Saiful Afzan Baru, Lazim Abdullah, Azwadi Ali & Hafiz Yusoff, 2014). Seperti yang berlaku semasa musim Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) baru-baru ini, semua sekolah diarahkan ditutup atas arahan daripada Menteri Keselamatan Negara disebabkan oleh penyebaran virus Covid-19. Walaubagaimanapun, semua guru diarahkan untuk menjalankan sesi pdp secara atas talian. Sehubungan dengan itu, pada waktu ini pembelajaran maya amatlah berguna. Selain itu, secara tidak langsung kolaborasi antara guru dan ibu bapa juga dapat dilakukan untuk membantu anak-anak dalam pembelajaran mereka, iaitu dengan memantau perjalanan sesi pembelajaran maya ini.

Kajian tentang tahap penerimaan guru-guru pendidikan khas ini terhadap penggunaan aplikasi pembelajaran maya ini amatlah penting dijalankan, kerana guru merupakan tulang belakang dalam dunia pendidikan. Menurut kajian yang dilakukan oleh Johari Hassan dan Fazliana Rashid, 2011, menyatakan bahawa ramai guru yang bermasalah jika hendak menjalankan pdp dengan menggunakan teknologi. Sedangkan, guru memainkan peranan penting untuk melatih para pelajar agar mahir dalam sesuatu kemahiran. Jika guru-guru pendidikan khas tidak mengambil endah akan perkara ini, sudah pasti anak-anak pendidikan khas akan turut mendapat tempias iaitu

akan terus ketinggalan dalam dunia teknologi. Sedangkan para guru perlu berusaha dan perlu selalu bersedia untuk meningkatkan diri mereka menguasai dan melalui apa jua perubahan yang berlaku dalam dunia pendidikan.

2. METODOLOGI KAJIAN

2.1 Rekabentuk Kajian

Kajian ini dijalankan dalam bentuk kuantitatif deskriptif, yang dijalankan secara tinjauan. Kajian ini telah melibatkan 91 orang guru pendidikan khas di Daerah Dungun dalam kategori masalah pembelajaran. Kaedah tinjauan dipilih adalah kerana kaedah ini sangat sesuai digunakan dalam penyelidikan pendidikan. (Wiersma, 2000).

2.2 Instrumen Kajian

Borang soal selidik digunakan untuk mendapatkan data. Soalan kaji selidik dibahagikan kepada empat bahagian, iaitu Bahagian A berkenaan dengan demografi guru, Bahagian B berkenaan dengan tahap kesediaan penggunaan teknologi, Bahagian C pula adalah untuk melihat tahap penggunaan aplikasi pembelajaran maya dan Bahagian D adalah berkenaan dengan tahap sikap guru terhadap penggunaan aplikasi pembelajaran maya. Bahagian B dibahagikan kepada dua bahagian iaitu persepsi optimis menggunakan teknologi dan persepsi inovatif menggunakan teknologi. Manakala Bahagian C turut dibahagikan kepada dua bahagian, iaitu persepsi kegunaan menggunakan aplikasi pembelajaran maya dan persepsi mudah digunakan dalam menggunakan aplikasi pembelajaran maya.

2.3 Analisis Data

Data yang telah dikutip dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package Social Science* (SPSS) versi 23.0. Statistik yang digunakan ialah statistik deskriptif dan juga statistik infrensi. Statistik infrensi yang digunakan ialah Ujian *Korelasi Pearson*. Ujian ini digunakan untuk menganalisis hubungan antara pembolehubah-pembolehubah dengan tahap sikap guru pendidikan khas Daerah Dungun terhadap penggunaan aplikasi pembelajaran maya.

3. PERBINCANGAN

Kajian yang dijalankan ini adalah untuk mengenalpasti tahap kesediaan, tahap penerimaan dan juga tahap sikap guru pendidikan khas Daerah Dungun terhadap penggunaan aplikasi pembelajaran maya. Selain itu, kajian ini juga adalah bertujuan untuk mengenalpasti hubungan antara tahap kesediaan dan tahap penerimaan dengan tahap sikap guru pendidikan khas Daerah Dungun dalam menggunakan aplikasi pembelajaran maya.

	Min	SP	Tahap
Persepsi optimis menggunakan teknologi	4.25	.619	Tinggi
Persepsi inovatif menggunakan teknologi	3.61	.725	Sederhana
Tahap kesediaan penggunaan teknologi	3.93	.652	Tinggi

(Tahap: Rendah = 1.00 – 2.33, Sederhana = 2.34 – 3.67, Tinggi = 3.68 – 5.00)

Jadual 1 Tahap Kesediaan Guru Menggunakan Aplikasi Pembelajaran Maya

Objektif pertama kajian ini adalah untuk mengenalpasti tahap kesediaan guru pendidikan khas Daerah Dungun dalam menggunakan aplikasi pembelajaran maya. Daripada data yang diperoleh, seperti dalam Jadual 1, didapati tahap kesediaan guru pendidikan khas Daerah Dungun untuk menggunakan aplikasi pembelajaran maya adalah berada pada tahap yang tinggi. Data tahap kesediaan ini diukur berdasarkan dua dimensi iaitu persepsi optimis dan juga persepsi inovatif. Hasil kajian menunjukkan bahawa persepsi inovatif (min = 3.61, SP = 0.725) adalah berada pada tahap yang sederhana. Manakala skor yang tinggi pula adalah persepsi optimis (min = 4.25, SP = 0.619). Secara keseluruhannya menunjukkan skor tahap kesediaan guru Pendidikan Khas daerah Dungun menggunakan aplikasi pembelajaran maya (min = 3.93, SP = 0.652) adalah berada pada tahap yang tinggi. Dapatan kajian yang sama turut diperoleh daripada kajian yang dilakukan oleh Mohd Faiz Mohd Baharan, Noraizan Mohsin, Mohd Nor Mamat & Zawawi Temyati (2019). Daripada kajian yang mereka lakukan, mereka mendapati bahawa tahap kesediaan guru sekolah rendah di Malaysia menggunakan aplikasi VLE Frog berada pada tahap yang tinggi.

Daripada data yang diperoleh ini, boleh disimpulkan bahawa para guru pendidikan khas di daerah ini sentiasa bersedia untuk menggunakan aplikasi pembelajaran maya dalam kehidupan seharian serta untuk menjalankan tugas hakiki mereka. Namun, mereka memerlukan tunjuk ajar dan perkongsian ilmu serta kemahiran daripada orang yang pakar dalam bidang ini. Hal ini dapat dibuktikan dengan data daripada item Bb6 iaitu “*Saya bersedia menghadapi cabaran untuk menggunakan teknologi terkini*” mencatatkan min yang tertinggi iaitu 4.19 dan sisihan piawai 0.788. Manakala item Bb4 iaitu “*Saya yakin dapat menggunakan teknologi terkini tanpa bantuan orang lain*” pula mencatatkan min yang terendah iaitu 2.86 dan sisihan piawai 0.811.

Dalam kajian ini faktor umur dan juga tahap kemahiran menggunakan komputer juga mungkin menjadi antara faktor yang menyebabkan tahap kesediaan adalah tinggi. Majoriti dalam kajian ini umur responden yang terlibat adalah antara 31 hingga 40 tahun. Dalam skala umur begini, boleh dikatakan majoriti guru-guru pendidikan khas di Daerah Dungun ramai guru yang muda. Manakala tahap kemahiran mereka menggunakan komputer pula majoriti pada tahap yang mahir. Jadi keinginan dan kesediaan untuk belajar sesuatu yang baru adalah masih pada tahap yang tinggi.

	Min	SP	Tahap
Persepsi kegunaan menggunakan aplikasi pembelajaran maya	3.89	.721	Tinggi
Persepsi mudah digunakan aplikasi pembelajaran maya	3.95	.790	Tinggi
Tahap penerimaan penggunaan aplikasi pembelajaran maya	3.92	.725	Tinggi

(Tahap: Rendah = 1.00 – 2.33, Sederhana = 2.34 – 3.67, Tinggi = 3.68 – 5.00)

Jadual 2 Tahap Persepsi Penerimaan Guru Menggunakan Aplikasi Pembelajaran Maya

Objektif kedua bagi kajian ini pula adalah untuk mengenalpasti tahap persepsi penerimaan guru pendidikan khas dalam menggunakan aplikasi pembelajaran maya. Daripada data yang diperoleh, seperti dalam Jadual 2, menunjukkan tahap persepsi penerimaan guru pendidikan khas Daerah Dungun menggunakan aplikasi pembelajaran maya turut berada pada tahap yang tinggi. Tahap persepsi penerimaan guru pendidikan khas menggunakan aplikasi pembelajaran maya diukur oleh dua dimensi iaitu persepsi kegunaan dan persepsi mudah digunakan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa persepsi kegunaan (min = 3.89, SP = 0.721) dan persepsi mudah digunakan (min = 3.95, SP = 0.790) kedua-duanya adalah berada pada tahap yang tinggi. Secara keseluruhannya menunjukkan skor tahap persepsi penerimaan guru Pendidikan Khas daerah Dungun terhadap penggunaan aplikasi pembelajaran maya (min = 3.92, SP = 0.725) adalah berada pada tahap yang tinggi. Kajian yang dijalankan oleh Harmaniza Ishak (2017) turut memaparkan dapatan kajian yang selari dengan kajian ini, iaitu skor tahap persepsi kegunaan dan mudah digunakan menunjukkan tahap yang tinggi. Data ini menunjukkan bahawa guru pendidikan khas Daerah Dungun menerima dan menyokong sahutan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) agar para guru menggunakan pendekatan interaktif dalam sesi pengajaran dan pembelajaran (PdP) mereka. Hal ini dapat dibuktikan dengan melihat data daripada item Ca1 dalam dimensi persepsi kegunaan iaitu “*Menggunakan aplikasi pembelajaran maya membolehkan saya menjalankan tugas dengan lebih cepat*” mencatatkan min yang tertinggi iaitu 3.93 dan sisihan piawai 0.800. Manakala daripada data dalam dimensi mudah digunakan pula, iaitu daripada item Cb1 iaitu “*Belajar untuk menggunakan aplikasi pembelajaran maya adalah mudah bagi saya*” turut mencatatkan min yang tertinggi iaitu 4.08 dan sisihan piawai 0.922. Dalam kajian yang dilakukan oleh Asra Malik, Saedah Siraj & Muhammad Ridhuan Tony Abdullah (2017), menyatakan bahawa, para guru pelatih menerima dengan baik dan berhasrat akan menggunakan aplikasi pembelajaran maya. Hal ini juga adalah sebagai tanda sokongan mereka kepada pembelajaran dalam program latihan pendidikan guru serta sekaligus menyahut seruan KPM.

Jika dilihat daripada dapatan kajian, majoriti responden yang terlibat berkhidmat antara 6 hingga 15 tahun. Boleh dikatakan dalam tempoh ini, semangat bekerja masih berkobar-kobar, dan kategori umur pun masih tidak terlalu tua. Jadi faktor ini mungkin menjadi faktor yang menyebabkan tahap persepsi penerimaan juga berada pada tahap yang tinggi.

No	Pernyataan	STS	TS	SeS	S	SS	Min	SP
D1	Mengajar menggunakan aplikasi pembelajaran maya amat menyeronokkan	0 (0.0)	0 (0.0)	17 (18.7)	48 (52.7)	26 (28.6)	4.10	.684
D2	Mengajar menggunakan aplikasi pembelajaran maya merupakan idea yang bijak	0 (0.0)	2 (2.2)	13 (14.3)	50 (54.9)	26 (28.6)	4.10	.716
D3	Mengajar menggunakan aplikasi pembelajaran maya dapat menciptakan suasana pembelajaran yang menarik	0 (0.0)	0 (0.0)	18 (19.8)	62 (68.1)	11 (12.1)	3.92	.562
D4	Saya berhasrat akan menggunakan aplikasi pembelajaran maya pada masa akan datang	0 (0.0)	1 (1.1)	22 (24.2)	58 (63.7)	10 (11.0)	3.85	.613
D5	Secara keseluruhan, saya amat suka menggunakan aplikasi pembelajaran maya dalam proses pengajaran dan pembelajaran (pdp)	0 (0.0)	1 (1.1)	26 (28.6)	57 (62.6)	7 (7.7)	3.77	.598
Keseluruhan							3.95	.550

(Tahap: Rendah = 1.00 – 2.33, Sederhana = 2.34 – 3.67, Tinggi = 3.68 – 5.00)

Jadual 3 Tahap Sikap Guru Terhadap Penggunaan Aplikasi Pembelajaran Maya

Manakala objektif ketiga kajian ini pula adalah untuk mengenalpasti tahap sikap guru terhadap penggunaan aplikasi pembelajaran maya. Daripada dapatan kajian, dalam Jadual 3, data secara keseluruhannya menunjukkan bahawa skor tahap sikap guru pendidikan khas Daerah Dungun

menggunakan aplikasi pembelajaran maya (min = 3.95, SP = 0.550) adalah berada pada tahap yang tinggi. Jika dilihat daripada dapatan kajian, semua item menunjukkan skor min berada pada tahap yang tinggi. Hal ini boleh disimpulkan bahawa para guru pendidikan khas di Daerah Dungun memberikan reaksi yang positif serta menyokong dengan sepenuhnya aplikasi pembelajaran maya digunakan dalam sesi PdP. Menurut Harmaniza Ishak (2017), dalam kajian beliau turut mendapati bahawa sikap guru terhadap penggunaan aplikasi pembelajaran maya adalah pada tahap yang tinggi. Dalam kajian yang dilakukan oleh Mahizer Hamzah & Mohd Azli Yeop (2016), pula menyatakan bahawa, secara majoritinya para guru di Malaysia menerima dengan baik proses pembelajaran yang menggunakan platform VLE Frog. Namun, kadang-kadang masalah teknikal seperti pencapaian internet yang lemah boleh menyebabkan para guru hilang semangat untuk meneruskan pembelajaran secara maya.

Sikap terhadap penggunaan aplikasi pembelajaran maya		
	r	Sig. P
Persepsi optimis menggunakan teknologi	0.599**	.000
Persepsi inovatif menggunakan teknologi	0.574**	.000
Tahap kesediaan penggunaan teknologi	0.603**	.000

** p < 0.01

Jadual 4 Hubungan Antara Tahap Kesediaan Dengan Sikap Terhadap Penggunaan Aplikasi Pembelajaran Maya

Objektif seterusnya adalah untuk mengenalpasti hubungan antara tahap kesediaan dengan sikap guru pendidikan khas Daerah Dungun terhadap penggunaan aplikasi pembelajaran maya. Hasil kajian seperti Jadual 4, menunjukkan tahap kesediaan guru dari aspek persepsi optimis ($r = 0.599$, $p < 0.01$); dan persepsi inovatif ($r = 0.574$, $p < 0.01$) mempunyai hubungan yang signifikan dengan sikap terhadap penggunaan aplikasi pembelajaran maya dalam kalangan guru Pendidikan Khas di Daerah Dungun. Dengan itu Ho1 dan Ho2 adalah ditolak. Hal ini menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang positif antara persepsi optimis dan persepsi inovatif dengan sikap menggunakan aplikasi pembelajaran maya. Sikap optimis menunjukkan keyakinan seseorang individu. Maka individu yang mempunyai keyakinan yang tinggi serta seorang yang inovatif akan mudah rasa selesa dan boleh menerima sesuatu perubahan yang baharu dalam kehidupan mereka. Secara keseluruhannya, dapatan menunjukkan tahap kesediaan guru ($r = 0.603$, $p < 0.01$) turut mempunyai hubungan yang signifikan dengan sikap terhadap penggunaan aplikasi pembelajaran maya dalam kalangan guru Pendidikan Khas di Daerah Dungun. Hal ini dapat disimpulkan bahawa, semakin tinggi tahap kesediaan seseorang guru untuk menggunakan aplikasi pembelajaran maya, maka

semakin tinggi tahap seseorang guru itu berkehendak untuk menggunakan aplikasi pembelajaran maya. Hasil dapatan yang sama turut diperolehi daripada kajian yang dilakukan oleh Harmaniza Ishak (2017).

	Sikap terhadap penggunaan aplikasi pembelajaran maya	
	r	Sig. P
Persepsi kegunaan menggunakan aplikasi pembelajaran maya	0.705**	.000
Persepsi mudah digunakan aplikasi pembelajaran maya	0.729**	.000
Tahap penerimaan penggunaan aplikasi pembelajaran maya	0.747**	.000

** p < 0.01

Jadual 5 Hubungan Antara Tahap Penerimaan Dengan Sikap Terhadap Penggunaan Aplikasi Pembelajaran Maya

Seterusnya kajian ini juga adalah untuk mengenalpasti hubungan antara tahap penerimaan dengan tahap sikap guru terhadap penggunaan aplikasi pembelajaran maya. Hasil kajian seperti dalam Jadual 5, menunjukkan tahap penerimaan guru dari aspek persepsi kegunaan ($r = 0.705$, $p < 0.01$); dan persepsi mudah digunakan ($r = 0.729$, $p < 0.01$) mempunyai hubungan yang signifikan dengan sikap terhadap penggunaan aplikasi pembelajaran maya dalam kalangan guru Pendidikan Khas di daerah Dungun. Dengan itu Ho3 dan Ho4 adalah ditolak. Secara keseluruhannya, dapatan menunjukkan tahap penerimaan guru ($r = 0.747$, $p < 0.01$) mempunyai hubungan yang signifikan dengan sikap terhadap penggunaan aplikasi pembelajaran maya dalam kalangan guru Pendidikan Khas di Daerah Dungun.

Daripada dapatan kajian ini boleh dianalisis bahawa persepsi kegunaan dan persepsi mudah digunakan mempunyai hubungan yang positif dengan sikap terhadap penggunaan aplikasi pembelajaran maya. Dapatan kajian yang sama turut diperolehi daripada kajian yang dilakukan oleh Harmaniza Ishak (2017) dan Ainun (2010). Jadi kedua-dua pemboleh ubah ini boleh digunakan untuk meramal tahap sikap terhadap penggunaan aplikasi pembelajaran maya. Persepsi kegunaan mempengaruhi tahap sikap penggunaan pembelajaran maya mungkin disebabkan oleh beberapa faktor seperti kemahiran menggunakan komputer, faktor lambakan kerja yang memerlukan semua tugas perlu disiapkan dengan cepat, faktor kesesuaian perisian aplikasi dengan tugas dan mungkin juga disebabkan oleh faktor optimis dan inovatif yang ada pada

seseorang guru itu. Manakala persepsi mudah digunakan mempengaruhi sikap penggunaan terhadap aplikasi pembelajaran maya juga mungkin disebabkan oleh faktor seperti tahap kemahiran menggunakan komputer, serta tahap penguasaan penggunaan perisian aplikasi yang digunakan dan mungkin juga daripada faktor keyakinan yang tinggi untuk menggunakan aplikasi pembelajaran maya dalam menjalankan tugas termasuk dalam sesi pengajaran dan pembelajaran.

4. KESIMPULAN

Kesimpulannya, daripada dapatan kajian, didapati faktor persepsi optimis, inovatif, mudah digunakan dan kegunaan semuanya memberi kesan kepada tahap sikap guru dalam menggunakan aplikasi pembelajaran maya. Dapatan kajian menunjukkan majoriti guru pendidikan Khas Daerah Dungun, telah memberikan banyak respon yang positif terhadap data kajian ini. Perkara ini juga memberi satu petanda baik kepada dunia pendidikan khas. Malah implikasi juga boleh berlaku kepada murid-murid berkeperluan khas. Daripada sikap positif seseorang guru akan turut memberi kesan yang positif kepada murid-murid. Kesannya, murid-murid berkeperluan khas tidak lagi akan ketinggalan jauh malah akan boleh seiring dengan murid-murid di arus perdana.

Oleh itu, penggubal dasar e-pembelajaran, harus meneliti faktor-faktor yang boleh meningkatkan tahap sikap seseorang guru pendidikan khas terhadap penggunaan aplikasi pembelajaran maya. Sebagai contoh, untuk menggubal sesuatu dasar berkaitan dengan e-pembelajaran, penggubal dasar sepatutnya perlu sentiasa memantau dan cuba memahami situasi di pihak pelaksana dasar agar sesuatu dasar yang digubal itu dapat dijalankan dengan penuh makna dan beerti untuk semua warga pendidikan.

Tahun 2020, merupakan tahun-tahun akhir warga pendidik berada dalam gelombang kedua Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM). Oleh itu sewajarnya, semua guru sudah sepatutnya menguasai kemahiran menggunakan komputer dan sepatutnya semua sudah berada pada tahap sekurang-kurangnya menguasai penggunaan komputer. Sepatutnya tidak wujud lagi guru yang tidak mahir menggunakan komputer dan malas menggunakan e-pembelajaran. Sehubungan dengan ini, pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), boleh mengambil pelbagai inisiatif agar semua guru di Malaysia mahir dalam menggunakan komputer dan seterusnya dapat menguasai cara untuk menggunakan aplikasi pembelajaran maya yang disediakan.

Pihak KPM juga boleh mengambil inisiatif dengan melakukan kempen kesedaran tentang pembelajaran secara maya ini kepada ibu bapa agar ibu bapa juga boleh memberikan kerjasama dengan baik untuk membantu dan memantau anak-anak mereka di rumah. Hal ini juga boleh menaikkan semangat para guru untuk meningkatkan kemahiran menggunakan aplikasi pembelajaran maya. Kerjasama daripada ibu bapa juga penting untuk memastikan agar berlaku kesinambungan di rumah terhadap apa yang dipelajari oleh murid di sekolah. Perkara ini juga boleh membantu untuk mengoptimalkan keberkesanan pembelajaran secara maya.

RUJUKAN

- Hasliza Hashim, Siti Munira Mohd Nasri & Zarina Mustafa. (2016). Cabaran Yang Dihadapi Oleh Guru Dalam Pelaksanaan Persekitaran Pembelajaran Maya Frog Di Bilik Darjah. *Asia Pacific Journal of Educators and Education*, 31, 115-129.
- Hew, T. S., & Syed Abdul Kadir, S. L. (2016). Behavioural intention in cloud-based VLE: An extension to Channel Expansion Theory. *Computers in Human Behavior*, 64, 9–20.
- Johari Hassan, & Fazliana Rashid. (2011). Penggunaan ICT dalam proses pengajaran dan pembelajaran di kalangan pendidik Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Johor. *Journal of Technical, Vocational & Engineering Education*, 4, 22-37.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (2012). Laporan Awal Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (2013). Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025. Kuala Lumpur : Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Mahizer Hamzah & Mohd Azli Yeop. (2016) . Persepsi Guru Terhadap Ciri-Ciri Inovasi Vlefrog Di Sekolah Di Wp Kuala Lumpur, Wp Putrajaya Dan Negeri Selangor. *Journal of Research, Policy & Practice of Teachers & Teacher Education*, 6(2),67–77.
- Nadia Abdul Hamid & Jamalullail Abdul Wahab. (2017). Aplikasi Persekitaran Pembelajaran Maya Frog (Frog Vle) Dalam Kalangan Guru Di Sekolah Menengah Luar Bandar. *Jurnal Wacana Sarjana*, 1 (1) , 1-12.
- Saiful Afzan Baru, Lazim Abdullah, Azwadi Ali & Hafiz Yusoff. (2014). Pemodelan Penerimaan Pelajar Terhadap Persekitaran Pembelajaran Maya (Vle). *Journal of Business and Social Development*, 2 (2), 36-47.
- Siaw, N. H., & Agatha, F. U. (2015). A pilot study on factors affecting the use of Frog Virtual Learning Environment. *Jurnal Penyelidikan IPG KBL*, 12, 1–17.
- Termit Kaur & Noorma Hussein. (2015). Teachers’ Readiness to Utilize Frog VLE: A Case Study of a Malaysian Secondary School. *Journal of Education, Society and Behavioural Science*, 5 (1), 20-29.
- Wiersma, L. D. (2000). Risks and benefits of youth sport specialization: perspectives and recommendations. *Pediatric Exercise Science* 12: 13-22.
- Zanariah Hamid, Peng, C. F. , Mohd Shahril Nizam Shahaarom, Rosli Hamid dan Mohd Aizat Omar. (2019). Faktor Peramal Penerimaan Persekitaran Pembelajaran Maya Dalam Kalangan Guru Bahasa Melayu. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 6 (3), 64-79.